



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/10/2018	MUKA SURAT	:	50
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Mohd Hafiz bersama keluarga bergambar bersama Faizal dan Ir Mohd Zainal Zakaria selepas menerima hadiah sebuah kereta Perodua Myvi.

Tuah tak culas bayar bil

KUALA LUMPUR - Sikap tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia yang memastikakan bil pembetulan dbayar tanpa culas membawa tuah kepada pekerja swasta, Mohd Hafiz Hazarpah, 35, yang berjaya memandu pulang sebuah kereta Perodua Myvi.

Mohd Hafiz terpilih sebagai pemenang utama pusingan kedua Peraduan Bayar dan Menang 2018 anjuran Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK). Katanya, kemenangan itu amat mengesankan bagaimanapun dia bersyukur atas rezeki yang diperolehi.

"Pada saya ia adalah tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia. Dengan bil yang rendah, kita patut menghargai perkhidmatan yang dijalankan oleh IWK. Saya sendiri sebagai pengguna akan pastikan tiada tunggakan bayaran bil pembetulan sebagai satu cara menghargai perkhidmatan yang diberikan.

"Terima kasih kepada IWK atas peluang ini dan diharapkan penggunaan lain akan terus melaksanakan tanggungjawab membayar bil dengan konsisten," katanya.

Kita patut menghargai perkhidmatan yang dijalkan oleh IWK - Mohd Hafiz

Ditanya mengenai perancangannya terhadap kereta dimenangi itu, Mohd Hafiz berkata, dia masih belum memutuskan sebarang perkara.

"Saya sendiri sudah mempunyai kereta. Jadi saya belum ada rancangan lagi apa yang mahu dibuat dengan kereta ini," katanya.